# BAB 4

# ALIRAN PEMIKIRAN HUKUM FIQH ‘IBADAH SYEIKH DAUD BIN ‘ABDULLAH AL-FAṬANI DALAM KITAB *FURŪ‘ AL-MASĀ’IL*

## 4.1 PENGENALAN

Menurut Dr. ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, sejarah perkembangan fiqh dapat dibahagikan kepada empat peringkat. ***Pertama***, zaman Nabi. Peringkat ini ialah zaman pertumbuhan fiqh. ***Kedua,*** zaman *Khulafā’ al-Rāshidīn*. Peringkat ini merupakan peringkat pembinaan dan pemantapan fiqh yang berakhir pada awal abad ke-2H/8M. ***Ketiga,*** zaman para ulama mujtahid. Peringkat ini merupakan peringkat perkembangan dan penyempurnaan fiqh yang bermula pada awal abad ke-2H/8M dan berlangsung sehingga pertengahan abad ke-4H/10M. ***Keempat,*** zaman penutupan pintu ijtihad. Pada peringkat ini perkembangan fiqh mula mengalami zaman pudar dengan tersebarnya semangat fanatik mazhab dan gejala taklid. Peringkat ini bermula pada abad ke-4H/10M dan berlanjutan sehingga kini.[1]

Gejala taklid ini terus menguasai umat Islam berabad-abad lamanya termasuk di rantau Nusantara. Ciri utama pemikiran fiqh tradisional di rantau Nusantara termasuk Malaysia ialah pemikiran berasaskan kepada mazhab Ahli Sunnah Waljamaah atau lebih khusus, bertaklid kepada mazhab Syafii.[2]

Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭani, tokoh ulama Nusantara yang menjadi subjek penyelidikan pengkaji merupakan ulama yang bertaklid dengan mazhab

---

[1] ‘Alī Jum‘ah Muḥammad (2007), *al-Madkhal ilā Dirāsah al-Madhāhib al-Fiqhīyyah*, c. 2. Al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 349-350.

[2] Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45.

Syafii. Justeru, untuk mendapatkan penjelasan dan kepastian tentang aliran pemikiran hukum beliau dalam fiqh ‘ibadah, kajian akan dilakukan terhadap bahagian ‘ibadah dalam kitab *Furū‘ al-Masā‘il* untuk meneliti sumber rujukan yang beliau kemukakan. Hal ini bertujuan untuk menganalisis sejauh mana pemikiran hukum beliau dipengaruhi oleh penulisan tokoh ulama mazhab Syafii pada zaman taklid.

## 4.2 ALIRAN PEMIKIRAN HUKUM

### 4.2.1 Sumber Rujukan Bagi Setiap *Kitāb* dalam *Furū‘ al-Masā’il*

Seperti yang telah dikemukakan dalam metodologi penulisan Syeikh Daud sebelum ini, sumber rujukan utama kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini ialah kitab *al-Fatāwā* oleh al-Shaykh Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Ramlī[3] dan kitab *Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām* oleh al-Shaykh Ḥusayn bin Muḥammad al-Maḥallī.[4]

Untuk mendapatkan sumber rujukan yang dikemukakan oleh Syeikh Daud dalam kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini secara lebih terperinci, pengkaji telah menganalisis setiap “*Kitāb”* bermula dari *Kitāb al-Ṭahārah* dan diikuti oleh *Kitāb al-Ṣalāh, Kitāb al-Janā’iz, Kitāb al-Zakāh, Kitāb al-Ṣawm, Kitāb al-I‘tikāf, Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah, Kitāb al-‘Aḍḥiyah, Kitāb al-Aṭ‘imah*, dan diakhiri dengan *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā’iḥ.* Sumber rujukan ini akan diterangkan dalam bentuk jadual untuk

---

3 Tokoh ini ialah Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥamzah, Shams al-Dīn al-Ramlī al-Manūfī al-Miṣrī al-Anṣarī. Beliau dilahirkan di al-Ramallah sebuah perkampungan di Manufiyyah, Mesir pada tahun 919H dan meninggal dunia pada tahun 1004H. Beliau terkenal dengan gelaran *al-Shāfi‘ī al-Ṣaghīr*. Sebahagian ulama mengangkat beliau sebagai mujaddid pada zamannya. Beliau merupakan salah seorang *al-Muḥaqqiq dan al-Shāriḥ* (Editor dan Pengulas) selepas peringkat *Taḥrīr al-Madhhab* dalam mazhab Syafii. Antara karya beliau ialah *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj, Ghāyah al-Bayān fī Sharḥ Zubad Ibn Ruslān* dan *al-Fatāwā*. Lihat: Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1986), *al-A‘lām*, j. 6, c. 7. Bayrūt: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, h. 235.

4 Tokoh ini ialah Ḥusayn bin Muḥammad al-Maḥallī al-Shāfi‘ī al-Miṣrī. Beliau dilahirkan di bandar al-Maḥallah al-Kubrā di Mesir dan meninggal dunia pada tahun 1170H/1757M di Mesir. Antara karya beliau ialah *Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām, Kashf al-Tāmm ‘an Irth Dhawī al-Arḥām, dan Mazīd al-Ni‘mah li Jam‘ Aqwāl al-A’immah.* Lihat: al-Ziriklī (1986), *ibid.*, j. 2, h. 257.

memudahkan pemahaman. Selepas itu, pengkaji telah membuat analisis sumber rujukan Syeikh Daud terhadap setiap *Kitāb*, juga melalui jadual.

#### 4.2.1.1 *Kitāb al-Ṭahārah*

Jadual 4.1: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Ṭahārah*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh al-Ramlī al-Kabīr | • *Al-Fatāwā* | 12 |
| 2 | Al-Shaykh al-Ramlī atau al-Ramlī al-Ṣaghīr[5] | • *Nihāyah al-Muḥtāj*<br>• *Al-Fatāwā* | 6 |
| 3 | Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī | • *Fatḥ al-Wahhāb*<br>• *Sharḥ al-Tanqīh*<br>• *Sharḥ al-Rawḍ* | 6 |
| 4 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | Tidak dinyatakan | 3 |
| 5 | Al-Imām al-Baghawī | • *Al-Fatāwā* | 3 |
| 6 | Al-Imām al-Rāfi‘ī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 7 | Al-Shaykh al-Ziyādī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 8 | Al-Imām al-Māwardī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 9 | Al-Imām al-Zarkashī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 10 | Al-Imām al-Bārizī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 11 | Al-Imām Ibn al-Muqrī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 12 | Al-Shaykh al-Asnawī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 13 | Al-Shaykh al-Maḥallī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 14 | Al-Shaykh ‘Alī Shabrāmallisī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 15 | Al-Shaykh Badar Ibn Shuhbah | Tidak dinyatakan | 1 |
| 16 | Al-Shaykh ‘Abd al-Wahhāb Sha‘rānī | • *Sharḥ dan Mukhtaṣar Qurtubī* | 1 |
| 17 | Al-Imām al-Nawawī | • *Al-Majmu‘ Sḥarh al-Muhadhdhab* | 1 |

#### 4.2.1.2 *Kitāb al-Ṣalāh*

Jadual 4.2: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Ṣalāh*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh Ramlī Kabīr | Tidak dinyatakan | 28 |
| 2 | Al-Shaykh al-Bujayrimī | Tidak dinyatakan | 27 |
| 3 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | • *Sharḥ al-Irshād* | 24 |

[5] Nama al-Shaykh Ramlī dan Ramlī Ṣaghīr dikemukakan secara berasingan dalam kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini. Namun, pada hemat pengkaji kedua-duanya adalah individu yang sama.

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | • *Tuḥfah al-Muḥtāj* | |
| 4 | Al-Shaykh al-Ramlī atau Ramlī Ṣaghīr | • *Al-Fatāwā* | 24 |
| 5 | Al-Shaykh al-Ziyādī | • *Ḥāshiyah Ziyādī* | 16 |
| 6 | Al-Shaykh Sulaymān Jamal | • *Ḥāshiyah al-Jamal* | 14 |
| 7 | Al-Shaykh al-Islām Zakariyā al- Anṣārī | • *Fatḥ al-Wahhāb*<br>• *Manhaj al-Ṭullāb*<br>• *Sharḥ al-Rawḍ* | 14 |
| 8 | Al-Shaykh Ibn Qāsim | • *Ḥāshiyah Ibn Qāsim*<br>• *Ḥāshiyah Sharḥ al-Bahjah* | 13 |
| 9 | Al-Shaykh al-Ḥalabī | Tidak dinyatakan | 7 |
| 10 | Al-Shaykh ʻAlī Shabrāmallisī | Tidak dinyatakan | 7 |
| 11 | Al-Imām al-Nawawī | • *Al-Majmūʻ Sharḥ al-Muhadhdhab*<br>• *Minhāj al-Ṭālibīn* | 7 |
| 12 | Al-Shaykh al-Madābighī | • *Sharḥ al-Shaykh al-Ramlī* | 5 |
| 13 | Al-Shaykh al-Burmāwī | Tidak dinyatakan | 5 |
| 14 | Al-Imām al-Rāfiʻī | • *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr* | 4 |
| 15 | Al-Imām al-Adhrāʻī | Tidak dinyatakan | 3 |
| 16 | Al-Imām al-Ghazālī | • *Iḥya' Ulūm al-Dīn* | 3 |
| 17 | Al-Shaykh al-Shūbarī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 18 | Al-Shaykh ʻIzz Ibn ʻAbd al-Salām | Tidak dinyatakan | 2 |
| 19 | Al-Shaykh al-Bulqīnī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 20 | Al-Shaykh Aḥmad Ibn al-ʻImād | • *Kashf al-Asrār* | 1 |
| 21 | Al-Imām al-Shāfiʻī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 22 | Al-Shaykh Shams al-Sajʻī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 23 | Al-Imām al-Bārizī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 24 | Al-Shaykh al-Ḥifnī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 25 | Al-Shaykh al-Khalīfī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 26 | Al-Shaykh Abū Ḥāmid | Tidak dinyatakan | 1 |
| 27 | Al-Shaykh al-Jūwaynī | • *al-Tabṣirah* | 1 |
| 28 | Al-Shaykh al-Subkī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 29 | AL-Shaykh al-ʻAzīz | Tidak dinyatakan | 1 |
| 30 | Al-Shaykh Ibn al-Rifʻah | Tidak dinyatakan | 1 |
| 31 | Al-Shaykh al-Asnawī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 32 | Al-Shaykh Khaṭīb al-Sharbīnī | • *Mughnī al-Muḥtāj* | 1 |
| 33 | Al-Shaykh Abū Yūsuf al-Kasā'ī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 34 | Al-Shaykh Ibn al-Wardī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 35 | Ṣāḥib al-Bayān | Tidak dinyatakan | 1 |
| 36 | Al-Shaykh al-Samlāwī | • *Nufḥah al-Quds* | 1 |
| 37 | Imām al-Ḥaramayn | Tidak dinyatakan | 1 |

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 38 | Al-Imām al-Baghawī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 39 | Al-Shaykh al-Munāwī | • *Sharḥ al-Jami‘ al-Ṣaghīr* | 1 |
| 40 | Al-Shaykh al-Wāḥidī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 41 | Al-Shaykh Mujāhid | Tidak dinyatakan | 1 |
| 42 | Al-Shaykh Ḥāfiẓ al-Mundhirī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 43 | Al-Shaykh al-Tha‘labī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 44 | Al-Shaykh al-Ṭarṭūshī | • *Sharḥ al-Risālah.* | 1 |
| 45 | Al-Shaykh al-Buwayṭī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 46 | Al-Shaykh al-Jīlī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 47 | Al-Shaykh al-Muzanī | • *al-Mukhtaṣar* | 1 |

### 4.2.1.3 *Kitāb al-Janāi'z*

Jadual 4.3: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Janāi'z*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | • *Sharḥ al-Irshād*<br>• *Sharḥ al-‘Ubāb*<br>• *Al-Fatāwā* | 20 |
| 2 | Al-Shaykh al-Ramlī | Tidak dinyatakan | 15 |
| 3 | Al-Shaykh Sulaymān Jamal | • *Ḥāshiyah al-Jamal*<br>• *Ḥāshiyah Fatḥ al-Wahhāb*<br>• *Ḥāshiyah Manhaj Ṭullāb* | 12 |
| 4 | Al-Shaykh al-Bujayrimī | Tidak dinyatakan | 8 |
| 5 | Al-Shaykh Ibn Qāsim | • *Ḥāshiyah Tuḥfah al-Muḥtāj*<br>• *Ḥāshiyah Manhaj al-Ṭullāb* | 7 |
| 6 | Al-Shaykh ‘Alī Shabrāmallisī | • *Ḥāshiyah Nihāyah al-Muḥtāj* | 6 |
| 7 | Al-Imām al-Adhrā‘ī | Tidak dinyatakan | 4 |
| 8 | Al-Shaykh al-Shūbarī | Tidak dinyatakan | 3 |
| 9 | Al-Shaykh al-Burmāwī | Tidak dinyatakan | 3 |
| 10 | Al-Shaykh al-Ziyādī | Tidak dinyatakan | 3 |
| 11 | Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī | • *Sharḥ al-Rawḍ* | 3 |
| 12 | Al-Shaykh al-Ḥalabī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 13 | Al-Imām al-Nawawī | • *al-Majmu‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*<br>• *Sharḥ Ṣaḥiḥ Muslim* | 2 |
| 14 | Al-Shaykh al-Shūbarī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 15 | Al-Shaykh Khaṭīb al-Sharbīnī | • *Mughnī al-Muḥtāj* | 1 |
| 16 | Al- Shaykh al-Dārimī | Tidak dinyatakan | 1 |

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 17 | Al-Shaykh al-Khalfāwī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 16 | Al-Imām al-Rāfi‘ī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 17 | Al-Shaykh Abū ‘Alī al-Najjār | Tidak dinyatakan | 1 |
| 18 | Al-Shaykh Ibn al-Ṣalāḥ | Tidak dinyatakan | 1 |
| 19 | Al-Shaykh al-Bulqīnī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 20 | Al-Shaykh al-Qalyūbī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 21 | Al-Shaykh al-Zarkashī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 22 | Al-Qāḍī Husayn | Tidak dinyatakan | 1 |
| 23 | Al-‘Abbādī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 24 | Al-Shaykh al-‘Alqamī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 25 | Al-Imām Taqī al-Dīn al-‘Alawī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 26 | Al-Shaykh Abū ‘Abd Allāh Muḥammad al-Ḥāfiẓ al-Iskandarīyyah | Tidak dinyatakan | 1 |
| 27 | Al-Shaykh ‘Abd al-Wahhāb al-Sha‘rānī | • *Mukhtaṣar Tadhkirah Qurṭubī.* | 1 |
| 28 | Al-Shaykh al-Suyūṭī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 29 | Al-Shaykh Ibn Firkah | Tidak dinyatakan | 1 |

#### 4.2.1.4 *Kitāb al-Zakāh*

Jadual 4.4: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Zakāh*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh Sulaymān Jamal | • *Ḥāshiyah Fatḥ al-Wahhāb* | 8 |
| 2 | Al-Shaykh al-Ramlī | Tidak dinyatakan | 6 |
| 3 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | • *Tuḥfah al-Muḥtāj* | 5 |
| 4 | Al-Shaykh ‘Alī Shabrāmallisī | Tidak dinyatakan | 3 |
| 5 | Al-Shaykh Ibn Qāsim | • *Sharḥ Ghāyah al-Ikhtiṣār.* | 2 |
| 6 | Al-Imām al-Nawawī | • *Rawḍah al-Ṭālibīn*<br>• *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab* | 2 |
| 7 | Al-Shaykh al-Burmāwī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 8 | Al-Shaykh al-Buwayṭī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 9 | Al-Shaykh al-Bujayrimī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 10 | Al-Shaykh al-Ziyādī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 11 | Al-Shaykh Muḥammad Sa‘id Sunbul | Tidak dinyatakan | 1 |
| 12 | Al-Shaykh al-Maḥallī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 13 | Al-Shaykh al-Zarkashī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 14 | Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī | Tidak dinyatakan | 1 |

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 15 | al-Imām al-Rāfi‘ī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 16 | al-Imām al-Ghazālī | Tidak dinyatakan | 1 |

#### 4.2.1.5 *Kitāb al-Ṣawm*

Jadual 4.5: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Ṣawm*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh al-Ramlī | • *Nihāyah al-Muḥtāj* | 7 |
| 2 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | • *Tuḥfah al-Muḥtāj* | 6 |
| 3 | Al-Shaykh Sulaymān Jamal | • *Ḥāshiyah al-Jamal* | 2 |
| 4 | Al-Shaykh al-Bujayrimī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 5 | Al-Shaykh al-Burmāwī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 6 | Al-Shaykh Ajhūrī al-Mālikī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 7 | Al-Shaykh al-Damīrī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 8 | Sayyidī ‘Alī al-Miṣrī | • *al-Fatawā* | 1 |
| 9 | Al-Shaykh al-Qalyūbī | • *Ḥāshiyah al-Taḥrīr* | 1 |
| 10 | Al-Shaykh al-Madābighī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 11 | Al-Imām al-Adhrā‘ī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 12 | Al-Shaykh al-‘Abbādī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 13 | Al-Shaykh Isḥāq | Tidak dinyatakan | 1 |
| 14 | Al-Shaykh ‘Aṭā’ | Tidak dinyatakan | 1 |
| 15 | Al-Shaykh Ibn Burhān | Tidak dinyatakan | 1 |
| 16 | Al-Imām al-Subkī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 17 | Al-Shaykh ‘Izz Ibn ‘Abd al-Salām | Tidak dinyatakan | 1 |
| 18 | Al-Shaykh al-Tabrīzī | Tidak dinyatakan | 1 |

#### 4.2.1.6 *Kitāb al-I‘tikāf*

Jadual 4.6: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-I‘tikāf*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | Tidak dinyatakan | 1 |
| 2 | Al-Shaykh al-Ziyādī | Tidak dinyatakan | 1 |

#### 4.2.1.7 *Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah*

Jadual 4.7: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | Tidak dinyatakan | 12 |
| 2 | Al-Shaykh al-Ramlī | Tidak dinyatakan | 11 |
| 3 | Al-Shaykh al-Bujayrimī | Tidak dinyatakan | 3 |
| 4 | Al-Shaykh al-Zarkashī | Tidak dinyatakan | 3 |
| 5 | Al-Imām al-Ghazālī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 6 | Al-Shaykh Khiḍir al-Shūbarī | • *Ḥāshiyah Khiḍir* | 2 |
| 7 | Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī | • *Sharḥ Rawḍ*<br>• *Fatḥ al-Wahhāb* | 2 |
| 8 | Al-Shaykh Sulaymān Jamal | • *Ḥāshiyah al-Jamal* | 2 |
| 9 | Al-Imām Muḥibb al-Dīn al-Ṭabarī | Tidak dinyatakan | 2 |
| 10 | Al-Shaykh al-Burmāwī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 11 | Al-Shaykh al-Ḥalabī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 12 | Al-Shaykh Ramlī Kabīr | Tidak dinyatakan | 1 |
| 13 | Al-Shaykh al-Qalyūbī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 14 | Al-Shaykh ‘Alī Shabrāmallisī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 15 | Al-Shaykh al-Maḥallī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 16 | Al-Shaykh ‘Abd al-Salām | Tidak dinyatakan | 1 |
| 17 | Al-Imām al-Baghawī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 18 | Al-Shaykh Ibn Qāsim | Tidak dinyatakan | 1 |
| 19 | Al-Shaykh Ibn Kaj | Tidak dinyatakan | 1 |
| 20 | Al-Imām al-Shāfi‘ī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 21 | Al-Shaykh al-Bulqīnī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 22 | Al-‘Allāmah ‘Abd al-Ra’ūf | Tidak dinyatakan | 1 |
| 23 | Al-Shaykh Ibn ‘Ilān | • *Sharḥ al-Īḍāḥ* | 1 |

#### 4.2.1.8 *Kitāb al-Aḍḥiyah*

Jadual 4.8: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Aḍḥiyah*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh al-Ramlī | Tidak dinyatakan | 4 |
| 2 | Al-Shaykh Sulaymān Jamal | • *Ḥāshiyah al-Jamal* | 2 |
| 3 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | Tidak dinyatakan | 1 |
| 4 | Al-Shaykh al-Bujayrimī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 5 | Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 6 | Shaykh Ibn Qāsim | Tidak dinyatakan | 1 |
| 7 | al-Imām al-Adhrā‘ī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 8 | al-Shaykh Sulaymān al-Kurdī | Tidak dinyatakan | 1 |

#### 4.2.1.9 *Kitāb al-Aṭ'imah*

Jadual 4.9: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Aṭ'imah*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh al-Ramlī | • *Al-Fatāwā* | 5 |
| 2 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar | Tidak dinyatakan | 1 |
| 3 | Al-Shaykh 'Alī Shabrāmallisī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 4 | Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 5 | Al-Shaykh Ṭablāwī | Tidak dinyatakan | 1 |
| 6 | Al-Shaykh al-Baralīsī | Tidak dinyatakan | 1 |

#### 4.2.1.10 *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā'iḥ*

Jadual 4.10: Sumber Rujukan dalam *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā'iḥ*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | al-Imām al-Nawawī | Tidak dinyatakan | 1 |

Secara keseluruhannya, setelah dibuat analisis terhadap setiap *kitāb* bahagian 'ibadah dalam *Furū' al-Masā'il* ini, terdapat seramai 82 orang ulama yang bermazhab Syafii dan karya mereka yang menjadi sumber rujukan Syeikh Daud.

### 4.2.2 Rumusan Sumber Rujukan bagi Keseluruhan *Furū' al-Masā'il*

Berikut merupakan analisis nama ulama dan karya mereka yang menjadi sumber rujukan Syeikh Daud mengikut urutan kekerapan nama mereka ditampilkan dalam kitab *Furū' al-Masā'il*. Sumber rujukan bagi keseluruhan *kitāb* ini akan diterangkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan rujukan dan pemahaman.

Jadual 4.11: Sumber Rujukan bagi Keseluruhan *Kitāb*
‘

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Al-Shaykh al-Ramlī atau al-Ramlī al-Ṣaghīr[6] | • *Nihāyah al-Muḥtāj*<br>• *Al-Fatāwā* | 79 |
| 2 | Al-Shaykh Ibn Ḥajar[7] | • *Tuḥfah al-Muhtāj*<br>• *Sharḥ al-Irshād*<br>• *Sharḥ al-‘Ubāb*<br>• *Al-Fatāwā* | 73 |
| 3 | Al-Shaykh al-Bujayrimī[8] | Tidak dinyatakan | 41 |
| 4 | Al-Shaykh al-Ramlī al-Kabīr[9] | • *Fatāwā al-Ramlī fī Furū‘ al-Fiqh al-Shāfi‘ī* | 41 |
| 5 | Al-Shaykh Sulaymān Jamal[10] | • *Ḥāshiyah al-Jamal*<br>• *Ḥāshiyah Fatḥ al-Wahhāb*<br>• *Ḥāshiyah Manhaj al-Ṭullāb* | 40 |
| 6 | Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī[11] | • *Manhaj al-Ṭullāb* | 28 |

---

6 Biodata tokoh ini telah dikemukakan sebelum ini.

7 Tokoh ini ialah Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥajar, Shihāb al-Dīn al-Haytamī. Beliau dilahirkan pada tahun 909H di Mahallah Abi al-Haytam, Mesir dan meninggal dunia di Mu‘allah, Mekah pada tahun 974H. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar dan belajar dengan ramai ulama terkemuka termasuklah Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī dan al-Shaykh Aḥmad bin Ḥamzah al-Ramlī. Beliau merupakan salah seorang *al-Muḥaqqiq dan al-Shāriḥ* (Editor dan Pengulas) selepas peringkat *Taḥrīr al-Madhhab* dalam mazhab Syafii. Antara karya beliau ialah *Tuḥfah al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj, al-Imdād Sharḥ al-Irshād, Fatḥ al-Jawwad* (Ringkasan *al- Irshād*), *al-Ī‘āb Sharḥ al-‘Ubāb* dan *al-Fatāwā*. Lihat: Ibn al-‘Imād Abū al-Falāḥ ‘Abd al-Ḥayy bin Aḥmad bin Muḥammad (1998*), Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab,* j. 6, c. 1. Musṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā (ed.). Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, h. 422-423.

8 Tokoh ini ialah Sulaymān bin Muḥammad bin ‘Umar al-Bujayrimī. Beliau dilahirkan di Bujayrim, Mesir pada tahun 1131H dan meninggal dunia pada tahun 1221H. Beliau pernah menjadi pengajar di Universiti al-Azhar. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Manhaj* dan *Ḥāshiyah* yang berjudul *Tuḥfah al-Ḥabīb ‘alā Sharḥ al-Khaṭīb al-Musammā bi al-Iqnā‘ fī Ḥill Alfāẓ Abī Shujā‘*. Lihat: al-Ziriklī (1986), *loc. cit.*, j. 3, h. 133.

9 Tokoh ini ialah Aḥmad bin Aḥmad bin Ḥamzah, Shihāb al-Dīn al-Ramlī. Beliau dilahirkan di Ramallah, Palestin dan meninggal dunia pada tahun 957H di Bait al-Maqdis, Palestin. Antara karya beliau ialah *Sharḥ al-Zubad li Ibn Ruslān, Fatāwā* dan *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Rawḍ*. Lihat: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmīyyah (1983), *al-Mawsū‘ah al-Fiqhīyyah*, j. 1, c. 2. al-Kūwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmīyyah, h. 352.

10 Tokoh ini ialah Sulaymān bin ‘Umar bin Manṣūr al-‘Ajīlī al-Azharī. Beliau dikenali dengan nama al-Jamal. Beliau dilahirkan di Munīyyah ‘Ajīl, sebuah perkampungan di Mesir dan meninggal dunia pada tahun 1204H. Antara karya beliau ialah *Futūḥāt al-Wahhāb bi Tawḍīḥ Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb* (dikenali sebagai *Ḥāshiyah al-Jamal*) dan *Ḥāshiyah ‘alā Tafsīr al-Jalālayn*. Lihat: al-Ziriklī (1986), *loc. cit.*, j. 3, h. 131.

11 Tokoh ini ialah Abū Yaḥyā, Muḥammad bin Aḥmad bin Zakariyā al-Anṣārī al-Miṣrī al-Azharī, Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī. Beliau dilahirkan pada tahun 826H di Kaherah, Mesir dan meninggal dunia pada tahun 926H. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar dan

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | • *Fatḥ al-Wahhāb bi Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb*<br>• *Asnā al-Ṭālib fī Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*<br>• *Tuḥfah al-Ṭullāb bi Sharḥ Taḥrīr Tanqīh al-Lubāb* | |
| 7 | Al-Shaykh Ibn Qāsim[12] | • *Ḥāshiyah Tuḥfah al-Muhtāj*<br>• *Ḥāshiyah Minhāj al-Ṭālibīn*<br>• *Sharḥ Ghāyah al-Ikhtiṣār.* | 24 |
| 8 | Al-Shaykh al-Ziyādī[13] | • *Ḥāshiyah al-Ziyādī* | 23 |
| 9 | Al-Shaykh ‘Ali Shabrāmallisī[14] | • *Ḥāshiyah Nihāyah al-Muḥtāj* | 19 |
| 10 | Al-Imām al-Nawawī[15] | • *Al-Majmu‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*<br>• *Minhāj al-Ṭalibīn* | 12 |

---

belajar dengan ulama mazhab Syafii yang terkemuka di Mesir pada zamannya. Beliau dianugerahkan gelaran *Shaykh al-Islām* kerana beliau telah mencapai tahap yang sangat tinggi dalam ilmu fiqh, *uṣul al-fiqh*, hadis, tafsir dan bahasa Arab sehingga menjadi pakar rujuk para fuqaha dan ahli hadis pada zamannya. Beliau juga merupakan salah seorang *al-Muḥaqqiq dan al-Shāriḥ* (Editor dan Pengulas) selepas peringkat *Taḥrīr al-Madhhab* dalam mazhab Syafii. Antara karya beliau ialah *Fatḥ al-Wahhāb bi Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb, Manhaj al-Ṭullāb , al-Gharar al-Bahīyyah fī Sharḥ al-Bahjah al-Wardīyyah, Asnā al-Muṭālib fī Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib,* dan *Tuḥfah al-Ṭullāb bi Sharḥ Taḥrīr Tanqīh al-Lubāb*. Lihat: Ibn al-‘Imād (1998), *op. cit.*, j. 8, h. 174-176.

12 Tokoh ini ialah Aḥmad bin Qāsim al-‘Ubbādī, Shihab al-Dīn Ibn Qāsim. Meninggal dunia pada tahun 994H. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah Ibn Qāsim al-‘Ubbādī ‘alā Tuḥfah al-Muhtāj, Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Bahjah li Ibn al-Wardī , Fatḥ al-Ghaffār* dan *Makhba’ah Ghāyah al-Ikhtiṣār*. Lihat: Nu‘mān Jaghīm (2007), *Madkhal ilā al-Madhhab al-Shāfi‘ī: Rijāluh wa Kutubuh wa Muṣṭalaḥātuh*. Kuala Lumpur: Al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah al-‘Ālamīyyah bi Māliziyā (UIAM), h. 130.

13 Tokoh ini ialah ‘Alī bin Yaḥyā al-Ziyādī al-Miṣrī. Beliau meninggal dunia pada tahun 1024H. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Manhaj li Zakariyā al-Anṣārī* dan *Sḥarḥ al-Muḥarrar li Rāfi‘ī.* Lihat: *ibid.*.

14 Tokoh ini ialah ‘Alī bin ‘Alī al-Shabrāmallisī, Abū al-Ḍiyā’ Nūr al-Dīn al-Shabrāmallisī. Beliau berasal dari Shabrāmallis, Mesir. Beliau dilahirkan pada tahun 997H dan meninggal dunia pada tahun 1087H. Beliau pernah mengajar di Universiti al-Azhar. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah ‘alā Nihāyah al-Muḥtāj* (dikenali juga sebagai *Ḥāshiyah al-Shabrāmallisī*) dan *Ḥāshiyah ‘alā al-Mawāhib al-Ladunīyyah*. Lihat: al-Ziriklī (1986), *loc. cit.*, j.6, h. 314.

15 Tokoh ini ialah Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, Muḥy al-Dīn al-Nawawī. Beliau dilahirkan di Nawā sebuah perkampungan di Damsyik, Syria pada tahun 631H dan meninggal dunia pada tahun 676H dalam usia 46 tahun di Nawā. Beliau merupakan seorang ulama mazhab Syafii yang paling menonjol serta dikategorikan sebagai *Muḥarrir al-Madhhab al-Shāfi‘ī*. Antara karya beliau ialah *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab, Minhāj al-Ṭalibīn, Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim,* dan *Rawḍah al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn*. Lihat: Tāj al-Dīn Abī Naṣr ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfī al-Subkī (t.t), *Ṭabaqāt al-Shāfi‘īyyah al-Kubrā*, j. 8. Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāḥī dan ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥalūw (eds.). al-Qāhirah: Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, h. 395-400.

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | • *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*<br>• *Rawḍah al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn.* | |
| 11 | Al-Shaykh al-Ḥalabī[16] | Tidak dinyatakan | 11 |
| 12 | Al-Shaykh al-Burmāwī[17] | Tidak dinyatakan | 11 |
| 13 | Al-Imām al-Rafi‘ī[18] | • *al-‘Azīz*<br>• *al-Sharḥ al-Ṣaghīr* | 8 |
| 14 | Al-Imām al-Adhrā‘ī[19] | Tidak dinyatakan | 8 |
| 15 | Al-Imām al-Zarkasyī[20] | Tidak dinyatakan | 7 |
| 16 | Al-Shaykh Shūbarī[21] | Tidak dinyatakan | 7 |
| 17 | Al-Shaykh al-Madābighī[22] | • *Sharḥ al-Shaykh al-Ramlī.* | 6 |
| 18 | Al-Imām al-Ghazālī[23] | • *Ihya’ ‘Ulūm al-Dīn* | 6 |

[16] Tokoh ini ialah ‘Ali bin Ibrahīm bin Aḥmad al-Ḥalabī. Beliau meninggal dunia pada tahun 1044H. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Manhaj*. Lihat: Nu‘mān Jaghīm (2007), *loc. cit.*, h. 130.

[17] Tokoh ini ialah Muḥammad bin ‘Abd al-Dāyim bin ‘Īsa bin Fāris al-Burmāwī, Shams al-Dīn al-Burmāwī. Beliau meninggal dunia pada tahun 831H. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah al-Burmāwī ‘alā Sharḥ al-Ghāyah li Ibn Qāsim al-Ghazzī dan Naẓm Alfiyyah fī Uṣūl al-Fiqh*. Lihat: Nu‘mān Jaghīm (2007), *ibid.*, h. 129.

[18] Tokoh ini ialah ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin al-Faḍl bin al-Ḥasan al-Qazwīnī, Abū al-Qāsim al-Rāfi‘ī. Beliau meninggal dunia pada tahun 623H. Beliau merupakan salah seorang *Muḥarrir al-Madhhab al-Shāfi‘i*. Antara karya beliau ialah *al-Sharḥ al-Kabīr* yang dinamakan *Fatḥ al-‘Azīz bi Sharḥ al-Wajīz, al-Muḥarrar* dan *al-Sharḥ al-Ṣaghīr.* Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t), *loc. cit.*, j. 8, h. 281-293.

[19] Tokoh ini ialah Abū al-Walīd Aḥmad bin Ḥamdān bin ‘Abd al-Wāḥid bin ‘Abd al-Ghanī bin Muḥammad al-Adhrā‘ī, Shihāb al-Dīn al-Adhrā‘ī. Beliau dilahirkan di Adhrā‘āt, Syria pada tahun 708H dan meninggal dunia pada tahun 783H. Beliau merupakan salah seorang *al-Muḥaqqiq dan al-Shāriḥ* (Editor dan Pengulas) selepas peringkat *Taḥrīr al-Madhhab* dalam mazhab Syafii. Antara karya beliau ialah *al-Tawassuṭ wa al-Fatḥ bayn al-Rawḍah wa al-Sharḥ,* dan *Qūt al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj.* Lihat: Ibn al-‘Imād (1998*), loc. cit.*, j. 7, h. 18-19.

[20] Tokoh ini ialah Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Bahādur bin ‘Abd Allāh al-Zarkashī, Badr al-Dīn al-Zarkashī. Beliau dilahirkan pada pada tahun 745H dan meninggal dunia pada tahun 794H di Kaherah, Mesir. Antara karya beliau ialah *al-Baḥr al-Muḥiṭ, al-Dībāj fī Tawḍīḥ al-Minhāj* dan *Sharḥ Jama‘ al-Jawāmi‘.* Lihat: Luwis Ujayl (1987), *al-Munjid fī al-Lughah wa al-A‘lām,* c. 27. Beirut: Dar al-Mashriq, h. 337.

[21] Tokoh ini ialah Khiḍir al-Shūbarī. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah ‘ala Tuḥfah al-Ṭullāb.* Lihat: Nu‘mān Jaghīm (2007), *loc. cit.*, h. 132.

[22] Tokoh ini ialah Ḥasan al-Manṭāwī, dikenali dengan nama al-Madābighī. Beliau meninggal dunia pada tahun 1170H. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah ‘alā Sharaḥ al-Khaṭīb al-Sharbīnī ‘alā Matn Abī Shuja‘.* Lihat: Nu‘mān Jaghīm (2007), *ibid.*, h. 132.

[23] Tokoh ini ialah Abū Ḥāmid, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī al-Ghazāli, al-Imām al-Ghazāli. Beliau dianugerahkan gelaran *Ḥujjah al-Islām*. Beliau dilahirkan di Ṭūs pada tahun 450H dan meninggal dunia di Ṭūs pada tahun 505H dalam usia 55 tahun. Antara guru beliau ialah Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī. Beliau merupakan seorang ulama mazhab Syafii yang paling menonjol serta dikategorikan sebagai *Muḥarrir al-Madhhab al-Shāfi‘i*. Antara karya beliau ialah *al-Basīṭ, al-Wasīṭ, al-Wajīz, al-Khulāṣah, Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dan *al-Mustaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *op. cit,* j. 6, h. 191-389.

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 19 | Al-Imam al-Baghawī[24] | • *Al-Fatāwā* | 5 |
| 20 | Al-Shaykh al-Bulqīnī[25] | Tidak dinyatakan | 4 |
| 21 | Al-Shaykh Jalāl al-Dīn al-Maḥallī[26] | Tidak dinyatakan | 4 |
| 22 | Al-Shaykh al-Qalyūbi[27] | • *Ḥāshiyah al-Taḥrīr* | 3 |
| 23 | Al-Imām al-Shāfi'ī[28] | • *Al-Umm* | 3 |
| 24 | Al-Shaykh 'Izz Ibn 'Abd al-Salām[29] | Tidak dinyatakan | 3 |
| 25 | Al-Shaykh al-Asnawī[30] | Tidak dinyatakan | 2 |
| 26 | Al-Imām Muḥibb al-Dīn | Tidak dinyatakan | 2 |

---

[24] Tokoh ini ialah al-Ḥusayn bin Mas'ūd bin Muḥammad al-Farrā' al-Baghawī. Beliau dilahirkan di Bagh, Hirāh pada tahun 436H dan meninggal dunia pada tahun 510H di Marūrūdh. Beliau merupakan ulama mazhab Syafii yang terkemuka dalam ilmu fiqh, hadis dan tafsir. Antara karya beliau ialah *al-Tahdhīb* (fiqh), *Sharḥ al-Sunnah* (hadis) dan *Ma'ālim al-Tanzīl* (tafsir). Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 343.

[25] Tokoh ini ialah 'Umar bin Ruslān bin Naṣīr bin Ṣāliḥ bin Shihāb al-Bulqīnī, Sirāj al-Dīn atau Ḥafṣ al-Bulqīnī. Beliau dilahirkan pada tahun 724H dan meninggal dunia pada tahun 805H. Beliau merupakan salah seorang *al-Muḥaqqiq dan al-Shāriḥ* (Editor dan Pengulas) selepas peringkat *Taḥrīr al-Madhhab* dalam mazhab Syafii. Antara karya beliau ialah *al-Fawā'id al-Muḥṣinah 'alā al-Sharḥ wa al-Rawḍah* dan *Taṣḥīḥ al-Minhāj*. Lihat: Ibn al-'Imād (1998*), loc. cit.*, j. 7, h. 177.

[26] Tokoh ini ialah Muḥammad bin Aḥmad bin Ibrāhīm bin Aḥmad bin Hāshim al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn al-Maḥallī. Beliau dilahirkan pada tahun 791H di Kaherah, Mesir dan meninggal dunia pada tahun 864H di Kaherah, Mesir. Antara karya beliau ialah *Kanz al-Rāghibīn* (lebih dikenali sebagai *Sharḥ al-* Maḥallī)*, Sharḥ al-Waraqāt,* dan *Mukhtaṣar al-Tanbīh li al-Shīrāzī*. Lihat: al-Ziriklī (1986), *loc. cit.*, j. 5, h. 333.

[27] Tokoh ini ialah Abū al-'Abbās Aḥmad bin Aḥmad bin Salāmah al-Qalyūbī, Shihāb al-Dīn al-Qalyūbī. Beliau meninggal dunia pada tahun 1069H. Beliau merupakan ulama mazhab Syafii dari Qalyūb, Mesir. Antara karya beliau ialah *ialah Ḥāshiyah 'alā Sharḥ al-Maḥalli 'alā Minhāj al-Ṭālibīn* atau lebih dikenali dengan *Ḥāshiyah al-Qalyūbī, Sharḥ al-Tanbīh* dan *Manhaj al-Wuṣūl fī 'Ilm al-Uṣūl.* Lihat: 'Umar Riḍā Kaḥālah ( t.t.), *Mu'jam al-Mu'allifīn*, j. 1. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 148.

[28] Tokoh ini ialah Abu 'Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs bin al-'Abbās bin 'Uthmān bin Shāfi', al-Imām al-Shāfi'ī. Beliau dilahirkan di Ghazzah, Palestin pada tahun 150H dan meninggal dunia di Mesir pada tahun 204H semasa berumur 54 tahun. Beliau merupakan pengasas mazhab Syafii. Antara karya beliau ialah *Al-Umm* dan *al-Risālah*. Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 355.

[29] Tokoh ini ialah'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Salām bin Abī al-Qāsim al-Sullamī,'Izz al-Dīn Ibn 'Abd al-Salām. Beliau dilahirkan pada tahun 578H di Damsyik, Syria dan meninggal dunia di Mesir pada tahun 660H. Antara karya beliau ialah *Qawā'id al-Ahkām fī Maṣāliḥ al-Anām, Maqāṣid al-Ṣalāh* dan *Maqāṣid al-Ṣawm*. Lihat: 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Salām (2007), *Al-Qawā'id al-Kubrā al-Marsūm bi Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*, j. 1, c. 2, Nazīh Kamāl Ḥammād dan Uthman Jum'ah Ḍamiriyyah (eds.). Damshiq: Dār al-Qalam, h. 12 م& 27م.

[30] Tokoh ini ialah Abū 'Abd Allāh 'Abd al-Rahīm bin al-Ḥasan bin 'Ali bin Ibrāhīm, al-Asnawī. Jamal al-Dīn al-Asnawī. Beliau dilahirkan pada tahun 704H di Isnā, Mesir dan meninggal dunia pada tahun 772H. Beliau merupakan salah seorang *al-Muḥaqqiq dan al-Shāriḥ* (Editor dan Pengulas) selepas peringkat *Taḥrīr al-Madhhab* dalam mazhab Syafii. Antara karya beliau ialah *Kāfī al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj* (tidak sempat disempurnakan penulisannya)*, Taṣḥīḥ al-Tanbīh* dan *al-Mubhamāt 'alā al-Rawḍah*. Lihat: Ibn al-'Imād (1998*), loc. cit*, j. 6, h. 422-423.

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | al-Ṭabarī[31] | | |
| 27 | Al-Imām al-Bārizī,[32] | Tidak dinyatakan | 2 |
| 28 | Al-Imām al-Subkī[33] | Tidak dinyatakan | 2 |
| 29 | Al-Shaykh al-Buwayṭī[34] | Tidak dinyatakan | 2 |
| 30 | Al-Shaykh Khaṭīb al-Sharbīnī[35] | • *Mughnī al-Muḥtāj* | 2 |
| 31 | Al-Imām al-Māwardī[36] | Tidak dinyatakan | 2 |
| 32 | Al-Shaykh al-'Abbādi[37] | Tidak dinyatakan | 2 |
| 33 | Syeikh 'Abd al-Wahhāb al-Sha'rānī[38] | • *Sharḥ dan Mukhtaṣar Tadhkirah Qurṭubī* | 2 |
| 34 | Al-Shaykh Abū Ḥāmid[39] | Tidak dinyatakan | 1 |

---

31 Tokoh ini ialah Abū al-'Abbas Aḥmad bin 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Abī Bakr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Ṭabarī, al-Ḥāfidh Muḥibb al-Dīn al-Ṭabarī. Beliau dilahirkan pada tahun 610H dan meninggal dunia pada tahun 692H. Antara karya beliau ialah *Al-Ṭarādh al-Madhhab* yang merupakan ringkasan kepada *al-Muhadhdhab*. Lihat: Nu'mān Jaghīm (2007), *loc.cit.*, h. 100.

32 Tokoh ini ialah 'Abd al-Raḥīm bin Ibrāhīm bin Hibah Allāh bin Muslim al-Bārizī, Najm al-Dīn al-Bārizī. Beliau dilahirkan pada 608H dan meninggal dunia pada tahun 683H di Madinah. Antara karya beliau ialah *Mudāwalah al-Ayyām* dan *Mumāthilāt al-Aḥkām*. Lihat: 'Umar Riḍā Kaḥālah (t.t.), *loc. cit,* j. 2, h. 128-129.

33 Tokoh ini ialah 'Alī bin 'Abd al-Kāfī bin 'Alī, Taqī al-Dīn al-Subkī. Beliau dilahirkan pada tahun 683H di Manūfiyyah, Mesir dan meninggal dunia pada tahun 756H di Kaherah, Mesir. Antara karya beliau ialah *al-Ibtihāj fī Sharḥ al-Minhāj* dan *Majmū'ah al-Fatawā*. Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 354.

34 Tokoh ini ialah Abū Ya'qūb Yūsuf bin Yaḥyā al-Buwayṭī al-Miṣrī. Beliau meninggal dunia pada tahun 231H di Baghdad. Beliau merupakan salah seorang *Mujtahid al-Madhhab* dalam mazhab Syafii dan perawi *Madhhab al-Jadīd*. Antara karya beliau ialah *Mukhtaṣar al-Buwayṭi* yang merupakan ringkasan kepada pendapat-pendapat Imam Syafii. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *loc. cit.*, j. 2, h. 162-170.

35 Tokoh ini ialah Muḥammad bin Muḥammad al-Khatīb al-Sharbīnī, Shams al-Dīn al-Sharbīnī. Beliau meninggal dunia pada tahun 977H. Beliau belajar dengan ramai ulama yang masyhur dalam mazhab Syafii seperti al-Shaykh Nūr al-Dīn al-Maḥallī dan al-Shaykh Shihāb al-Ramlī. Antara karya beliau ialah *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī al-Minhāj, Sharḥ al-Tanbīh li Abī Isḥāq al-Shīrāzī, Sharḥ al-Bahjah li Ibn al-Wardī* dan *al-Iqnā' fī Ḥill Alfāẓ Abī Shujā'*. Lihat: Ibn al-'Imād (1998*), loc. cit.*, j. 8, h. 451.

36 Tokoh ini ialah Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī, al-Imām al-Māwardī. Beliau dilahirkan pada tahun 364H dan meninggal dunia pada tahun 450H. Antara karya beliau ialah *al-Ḥāwī, al-Iqnā' dan Kitāb al-Buyū'*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *loc. cit.*, j. 8, h. 267-285.

37 Tokoh ini ialah Abū 'Āṣim Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad al-'Abbādī al-Harawī. Beliau dilahirkan pada tahun 375H di Hirāh dan meninggal dunia pada tahun 458H. Antara karya beliau ialah *al-Mabsūṭ,*dan *al-Hādī ilā Madhhab al-Ulamā'* Lihat: 'Alī Jum'ah Muḥammad (2007), *loc. cit.*, h. 47.

38 Tokoh ini ialah Abū Muḥammad 'Abd al-Wahhāb b. Aḥmad b. 'Alī al-Sha'rānī al-Anṣārī. Beliau dilahirkan pada tahun. 898H dan meninggal dunia pada tahun. 973H di Kaherah, Mesir. Antara karya beliau ialah *Lawāqih al-Anwār fī Ṭabaqāt al-Sādah al-Akhyār, al-Mīzān al-Kubrā,* dan *Kashf al-Ghummah 'an Jamī' al-Ummah*. Lihat: Aḥmad 'Aṭīyyah Allāh (1966), *al-Qāmūs al-Islāmī,* j. 4. Al-Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣrīyyah, h. 111-113.

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 35 | Al-Imām Ibn al-Muqrī[40] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 36 | Badar Ibn Shuhbah[41] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 37 | Aḥmad Ibn al-‘Imād[42] | • *Kashf al-Asrār* | 1 |
| 38 | Shams al-Saj‘ī[43] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 39 | Al-Shaykh al-Juwaynī[44] | • *Al-Tabṣirah* | 1 |
| 40 | Ibn al-Wardī[45] | • *Al-Bahjah* | 1 |
| 41 | Ibn al-Rif‘ah[46] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 42 | Al-Shaykh al-Samlāwī[47] | • *Nufḥah al-Quds.* | 1 |
| 43 | Al-Shaykh al-Munāwī[48] | • Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr | 1 |
| 44 | Al-Shaykh al-Wāḥidī[49] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 45 | Al-Shaykh Mujāhid[50] | Tidak dinyatakan | 1 |

39 Tokoh ini ialah Abū Ḥāmid Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Isfirāyinī. Beliau dilahirkan pada tahun 344H dan meninggal dunia pada tahun 406H. Beliau merupakan tokoh mazhab Syafii dalam aliran Iraq. Antara karya beliau ialah *al-Ta‘līqah fī al-Fiqh*, *Kitāb fī Uṣūl al-Fiqh* dan *al-Bustān*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *loc. cit.*, j. 4, h. 61-74.

40 Tokoh ini ialah Abū Muḥammad Ismā‘īl bin Abī Bakr bin ‘Abd Allāh al-Muqrī, Sharaf al-Dīn al-Muqrī. Beliau dilahirkan pada tahun 755H dan meninggal dunia pada tahun 837H. Antara karya beliau ialah *Rawḍ al-Ṭālib* dan *al-Irshād fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī.* Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 334.

41 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

42 Tokoh ini ialah Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Imād bin Yūsuf bin ‘Abd al-Nabī, Shihāb al-Dīn. Beliau dilahirkan dilahirkan pada tahun 750H dan meninggal dunia pada tahun 808H. Antara karya beliau ialah *al-Ta‘līqāt ‘alā al-Muhimmāt* dan *Sharḥ al-Minhāj*. Lihat: al-Zirikilī (1986), *loc. cit.*, j. 1, h. 184.

43 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

44 Tokoh ini ialah Abū Muḥammad ‘Abd Allāh b. Yūsuf b. Muḥammad b. Ḥayawayh al-Juwaynī. Beliau meninggal dunia pada tahun 438H di Naysābūr. Antara karya beliau ialah *al-Tabṣirah, al-Tadhkirah* dan *Mukhtaṣar al-Mukhtaṣar*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *loc. cit.*, j. 5, h. 73-94.

45 Tokoh ini ialah Abū Ḥafṣ ‘Umar b. Muẓaffar b. ‘Umar b. Abī al-Fawāris Muḥammad, Zayn al-Dīn al-Wardī al-Qurashī al-Bakrī al-Shāfi‘ī. Beliau dilahirkan pada tahun 749H dan meninggal dunia pada 689H. Antara karya beliau ialah *al-Bahjah al-Wardīyyah*, *al-Dīywān*, dan *Lāmīyyāt*. Lihat: Fāṭimah Maḥjūb (1991), *al-Mawsū‘ah al-Islāmīyyah*, j. 2. al-Qāhirah: Maktabah Madbūlī, h. 199-200.

46 Tokoh ini ialah Abū al-‘Abbās Najm al-Dīn Aḥmad b. Muḥammad al-Anṣārī . Beliau dilahirkan pada 645H dan meninggal dunia pada 710H. Beliau merupakan ulama fiqh mazhab Syafii di Mesir. Antara karya beliau ialah *Badhl al-Naṣā’iḥ al-Shar‘īyyah fī mā ‘alā al-Sulṭān wa Wulāt al-Umūr wa Sā’ir al-Ra‘yah,* dan *Al-Īḍāḥ wa al-Tibyān*. Lihat: Aḥmad ‘Aṭīyyah Allāh (1966), *loc, cit.*, j. 2, h. 556.

47 Tokoh ini ialah ‘Abd al-Mu‘ṭī b. Sālim b. ‘Umar al-Shiblī al-Samlāwī. Beliau dilahirkan pada kurun ke-12H dan meninggal dunia pada 1128H. Beliau merupakan ulama fiqh dan sasterawan Mesir. Antara karya beliau ialah *Munabbih al-Muftīn li Radd Jawāb al-Sā’ilīn, Laqaṭ al-Masā’il al-Fiqhīyyah,* dan *Targhīb al-Mushtāq fī Aḥkām al-Ṭalāq.* Lihat: Aḥmad ‘Aṭīyyah Allāh (1966), *ibid.*, j. 3, h. 499.

48 Tokoh ini ialah Ibrāhīm bin Isḥāq bin Ibrāhīm al-Munāwī al-Shāfi‘ī al-Miṣrī, Sharaf al-Dīn. Beliau meninggal dunia pada tahun 757H. Antara karya beliau ialah *Sharḥ Farā’iḍ al-Wasā’il* dan *Sharḥ al-Ma’ālim.* Lihat: Ismā‘īl Bāshā al-Baghdādī (1951), *Hadīyyah al-‘Ārifīn Asmā’ al-Mu’allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn*, j. 1. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 12.

49 Tokoh ini ialah Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Aḥmad bin Muḥammad al-Wāḥidī al-Naysābūrī. Beliau meninggal dunia pada tahun 468H di Naysābūr. Antara karya beliau ialah *al-Basīṭ* dan *al-Wajīz*, kedua-duanya dalam bidang tafsir. Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 373.

50 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 46 | Al-Shaykh Ḥāfiẓ al-Mundhirī[51] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 47 | Al-Tha‘labī[52] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 8 | Al-Ṭarṭūshī[53] | • *Sharḥ al-Risālah* | 1 |
| 49 | Ibn Farkāh[54] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 50 | Al-Shaykh Abū ‘Ali al-Najjār[55] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 51 | Al-Shaykh Ibn al-Ṣalāḥ[56] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 52 | Al-Shaykh al-Dāmirī[57] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 53 | Al-Qāḍī Ḥusayn[58] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 54 | Al-Shaykh al-‘Alqamī[59] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 55 | Abū ‘Abd Allāh Muḥammad al-Ḥāfiẓ al-Iskandarīyyah[60] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 56 | Al-Imām Al-Suyūṭī[61] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 57 | Al-Shaykh Muḥammad Sa‘īd Sunbul[62] | Tidak dinyatakan | 1 |

51 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

52 Tokoh ini ialah Abū Isḥāq Aḥmad b. Muḥammad b. Ibrāhīm al-Tha‘labī al-Naysābūrī. Beliau meninggal dunia pada tahun 427H. Antara karya beliau ialah *Qaṣaṣ al-Anbiyā’,* dan *al-Kashf wa al-Bayān ‘an Tafsīr al-Qur’ān* yang terkenal dengan nama *Tafsīr al-Tha‘labī.* Lihat: Aḥmad ‘Aṭīyyah Allāh (1966), *loc. cit.*, j. 1, h. 537.

53 Tokoh ini ialah Abū Bakr Muḥammad bin al-Walīd bin Muḥammad al-Fahrī. Beliau lebih dikenali dengan nama al-Ṭarṭūshī sempena sebuah bandar bernama Ṭarṭūshah yang terletak di timur Andalus. Beliau meninggal dunia pada 520H di Iskandariyah. Beliau merupakan ulama besar fiqh dalam mazhab Maliki. Antara karya beliau ialah *Sharḥ Risālah Ibn Abī Zubad* dan *Sirāj al-Mulūk.* Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 358-359.

54 Tokoh ini ialah Ibrāhīm bin Tāj al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Ibrāhīm bin Siyā‘ bin Ḍiyā’ Burhān al-Dīn al-Shāfi‘ī, lebih dikenali dengan nama Ibn al-Farkāh. Beliau meninggal dunia pada tahun 729H di Damsyik. Antara karya beliau ialah *al-Rukhṣah al-‘Amīmah fī Aḥkām al-Ghanīmah, Sharḥ al-Alfīyyah li Ibn Mālik* dan *al-Fatawā*. Lihat: Ismā‘īl Bāshā al-Baghdādī (1951), *loc. cit*., j. 1, h. 11.

55 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

56 Tokoh ini ialah Taqī al-Dīn Abū ‘Amrū ‘Uthmān b. Ṣalāḥ al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Shahrazūrī. Beliau dilahirkan pada 577H dan meninggal dunia pada 643H di Damsyik. Beliau merupakan ulama fiqh dan hadis. Antara karya beliau ialah *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ*, *Sharḥ al-‘Irāqī Sharḥ al-Nawawī,* dan *al-Fatāwā.* Lihat: ‘Alī Jum‘ah Muḥammad (2007), *loc. cit.*, h.43-44.

57 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

58 Tokoh ini ialah Abū ‘Alī al-Ḥusayn bin Muḥammad bin Aḥmad, al-Qādī Al-Marūrūdhī. Beliau meninggal dunia pada tahun 462H. Antara karya beliau ialah *al-Ta‘līq al-Kabīr*, *Sharḥ Furū‘ Ibn al-Ḥaddād* dan *Asrār al-Fiqh*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *loc. cit.*, j. 4, h. 355-357.

59 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

60 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

61 Tokoh ini ialah Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Kamāl al-Dīn Abī Bakr Muḥammad bin Sābiq al-Dīn bin Fakhr al-Dīn ‘Uthmān b. Hammām al-Dīn al-Khuḍayrī al-Suyūṭī. Beliau dilahirkan pada tahun 849H/ 1445M di Kaherah dan meninggal dunia pada tahun 911H di Kaherah. Antara karya beliau ialah *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān, Tafsīr al-Jalālayn*, dan *al-Ishbāḥ wa al-Naẓā’ir fī Furū‘ Fiqh al-Shāfi‘īyyah*. Lihat: Aḥmad ‘Aṭīyyah Allāh (1966), *loc. cit.*, j. 3, h. 622-625.

62 Tokoh ini ialah Muḥammad Sa‘īd b. Muḥammad Sunbul al-Makkī al-Shāfi‘ī. Beliau meninggal dunia pada tahun 1175H di Taif. Antara karya beliau ialah *al-Awā’il Sunbulīyyah*. Lihat: *ibid*., j. 3, h. 512.

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 58 | Al-Shaykh Ibn Burhān[63] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 59 | Ibn Kaj[64] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 60 | Al-Shaykh al-Muzanī[65] | • *Al-Mukhtaṣar* | 1 |
| 61 | Al-Shaykh‘Abd al-Ra’ūf[66] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 62 | Al-Shaykh Ibn ‘Ilān[67] | • *Sharḥ al-‘Īḍāḥ* | 1 |
| 63 | Al-Shaykh Sulaymān al-Kurdī[68] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 64 | Al-Shaykh al-Ṭablāwī[69] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 65 | Sayyidī ‘Alī al-Miṣrī[70] | • *Al-Fatāwā* | 1 |
| 66 | Al-Shaykh al-Khalfāwī[71] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 67 | Abū Yūsuf al-Kasā’ī[72] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 68 | Al-Shaykh Hifnī[73] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 69 | Al-Shaykh al-Khalīfī[74] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 70 | Imām al-Ḥaramayn[75] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 71 | Al-Shaykh al-Jīlī[76] | Tidak dinyatakan | 1 |

---

63 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

64 Tokoh ini ialah Abū al-Qāsim Yūsuf bin Aḥmad bin Yūsuf bin Kaj al-Daynūrī. Beliau meninggal dunia pada tahun 405H. Antara karyanya ialah *al-Tajrīd*. Lihat: al-Ziriklī (1986), *loc. cit.*, j. 8, h. 214.

65 Tokoh ini ialah Abū Ibrāhīm Ismā‘īl bin Yaḥyā bin ‘Amrū bin Isḥāq al-Muzanī. Beliau dilahirkan pada tahun 175H dan meninggal dunia pada tahun 264H. Beliau merupakan antara periwayat *‘al-Madhhab al-Jadīd’* dalam mazhab Syafii. Antara karya beliau ialah *al-Mukhtaṣar*, *al-Jāmi‘ al-Kabīr* dan *al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *loc. cit.*, j. 2, h. 93-109.

66 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

67 Tokoh ini ialah Aḥmad b. Ibrāhīm al-Naqshabandī al-Ṣiddīqī. Beliau meninggal dunia pada 1033H di Mekah. Antara karya beliau ialah *Sharḥ al-Ḥikam al-‘Aṭā’īyyah* dan *Sharḥ Risālah al-Shaykh Ruslān*. Lihat: Aḥmad ‘Aṭīyyah Allāh (1966), *loc. cit.*, j. 5, h. 454.

68 Tokoh ini ialah Muḥammad bin Sulaymān al-Kurdī al-Madanī. Beliau dilahirkan pada tahun 1128H di Damsyik dan meninggal dunia pada tahun 1194H di Madinah. Antara karya beliau ialah *al-Fawā’id al-Madanīyyah fī man Yuftā bi Qawlih min A’immah al-Shāfi‘īyyah*, dan *‘Uqūd al-Darar fī Bayān Musṭalaḥāt Tuḥfah Ibn Ḥajar*. Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 366-367.

69 Tokoh ini ialah Muḥammad bin Sālim, Naṣr al-Dīn. Beliau meninggal dunia pada tahun 1014H. Antara karya beliau ialah *Sharḥ ‘alā al-Azharīyyah* dan *Sharḥ ‘alā Taṣrīf al-‘Uzā li al-Taftāzānī*. Lihat: Nu‘mān Jaghīm, *loc. cit.*, h. 130.

70 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

71 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

72 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

73 Tokoh ini ialah Muḥammad b. Sālim al-Ḥifnī. Beliau dilahirkan pada 1100H dan meninggal dunia pada 1181H. Beliau merupakan Shaykh al-Azhar yang ke-8. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah ‘alā Mukhtaṣar al-Sa‘d*, *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Samarqandī li al-Yāsamīnīyyah*, *Ḥāshiyah ‘alā al-Shanshūrī fī al-Farā’iḍ*, dan *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Hamzīyyah li Ibn Ḥajar*. Lihat: Aḥmad ‘Aṭīyyah Allāh (1966), *loc. cit.*, j.2, h. 121.

74 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

75 Tokoh ini ialah Abū al-Ma‘ālī ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad bin Ḥayawayh al-Juwaynī, Rukn al-Dīn. Beliau dilahirkan pada 419H di Bashtankān dan meninggal dunia pada tahun 478H di Musqaṭ. Antara karya beliau ialah *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhhab*, *Mukhtaṣar al-Nihāyah* dan *al-Waraqāt*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *loc. cit.*, j. 5, h. 165-181.

76 Tokoh ini ialah ‘Abd al-Karīm bin Ibrāhīm bin ‘Abd al-Karīm al-Jīlī. Beliau dilahirkan pada tahun 767H dan meninggal dunia pada tahun 832H. Antara karya beliau ialah *Kitāb al-Insān al-Kāmil fī*

| BIL. | NAMA ULAMA | NAMA KITAB | KEKERAPAN RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 72 | Ṣāḥib al-Bayān[77] | • *Al-Bayān* | 1 |
| 73 | Al-Imām Taqī al-‘Alawī[78] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 74 | Al-Shaykh al-Ajhūrī al-Mālikī[79] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 75 | Al-Shaykh Isḥāq[80] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 76 | Al-Shaykh ‘Aṭā’[81] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 77 | Al-Shaykh ‘Abd al-Salām[82] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 78 | Al-Shaykh ‘Azīz[83] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 79 | Al-Tabrīzī[84] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 80 | Al-Shaykh al-Dārimī[85] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 81 | Al-Shaykh al-Baralisī[86] | Tidak dinyatakan | 1 |
| 82 | Al-Shaykh al-Qaffāl[87] | Tidak dinyatakan | 1 |

Ringkasnya, dalam bahagian fiqh ‘ibadah ini, 10 ulama mazhab Syafii yang paling banyak dirujuk oleh Syeikh Daud mengikut urutan ialah al-Shaykh al-Ramlī atau al-Ramlī al-Ṣaghīr (78 kali), al-Shaykh Ibn Ḥajar (73 kali), al-Shaykh al-

*Ma‘rifah al-Awākhir wa al-Awā’il, al-Kamālāt al-Ilāhīyyah fī al-Ṣifāt al-Muḥammadīyyah, al-Nāmūs al-A‘ẓam wa al-Qāmūs al-Aqdam,* dan *Risālah Ḥaqīqah al-Yaqīn*. Lihat: Aḥmad ‘Aṭīyyah Allāh (1966), *loc. cit.*, j. 1, h. 664-665.

77 Tokoh ini ialah Abū al-Khayr Yaḥyā bin Abū al-Khayr Sālim al-‘Imrānī. Beliau meninggal dunia pada tahun 558H. Antara karya beliau ialah *al-Bayān*. Lihat: ‘Alī Jum‘ah Muḥammad (2007), *loc. cit*, h. 46.

78 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

79 Tokoh ini ialah ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman al-Ajhūrī, Nūr al-Dīn. Beliau dilahirkan pada tahun 967H di Mesir dan meninggal dunia pada tahun 1066H di Mesir. Beliau merupakan tokoh ulama mazhab Maliki di Mesir pada zamannya. Antara karya beliau ialah *Sharḥ Risālah Ibn Abī Zayd*. Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 339.

80 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

81 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

82 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

83 Tokoh ini tidak dapat dikenal pasti.

84 Tokoh ini ialah Abū al-Ḥasan Tāj al-Dīn ‘Alī bin ‘Abd Allāh bin al-Ḥasan al-Ardabīlī al-Tabrīzī. Beliau dilahirkan pada tahun 677H di Ardabīl dan meninggal dunia pada tahun 746H di Kaherah. Beliau ada menghasilkan beberapa karya dalam bidang ‘Ulūm al-Ḥadīth, Uṣūl al-Fiqh, perundangan dan matematik. Lihat: Aḥmad ‘Aṭīyyah Allāh (1966), *loc. cit.*, j. 1, h. 437.

85 Tokoh ini ialah ‘Uthmān bin Sa‘īd bin Khālid bin Sa‘īd al-Sijistānī, al-Hāfiẓ al-Dārimī. Beliau dilahirkan sebelum tahun 200H dan meninggal dunia pada tahun 280H. Antara karya beliau ialah *Musnad al-Kabīr* dan *Aḥkām al-Qur’ān*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *loc. cit.*, j. 2, h. 302-306.

86 Tokoh ini ialah Aḥmad al-Baralīsī al-Miṣrī al-Shāfi‘ī, dikenali dengan gelaran ‘Umayrah. Beliau meninggal dunia pada tahun 957H. Antara karya beliau ialah *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ Jam‘ al-Jawāmi‘ li al-Subkī, Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Minhāj* dan *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ* Kanz *al-Rāghibīn*. Lihat: Wizārah al-Awqāf (1983), *loc. cit.*, j. 1, h. 362.

87 Tokoh ini ialah Abū Bakr ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin ‘Abd Allāh. Beliau lebih dikenali dengan nama al-Qaffāl al-Ṣaghīr al-Marwazī. Beliau dilahirkan pada tahun 327H dan meninggal dunia pada tahun 417H. Antara hasil karya beliau ialah *al-Fatawā*. Lihat: Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t), *loc. cit.*, j. 5, h. 53-62.

Bujayrimī (41 kali), al-Shaykh al-Ramlī al-Kabīr (41 kali), al-Shaykh Sulaymān Jamal (40 kali), al-Shaykh al-Islām Zakarīyyā al-Anṣārī (28 kali), al-Shaykh Ibn Qāsim (24 kali), al-Shaykh al-Ziyādī (23 kali), al-Shaykh 'Alī Shabrāmallisī (19 kali) dan al-Imam al-Nawawī (12 kali). Hal ini menunjukkan bahawa Syeikh Daud mengutamakan pendapat al-Shaykh al-Ramlī dan al-Shaykh Ibn Ḥajar berbanding ulama mazhab Syafii yang lain kerana rujukan kepada kedua-dua ulama ini jauh lebih banyak berbanding 80 ulama mazhab Syafii yang lain.

### 4.2.3 Sumber Rujukan yang Mempengaruhi Aliran Pemikiran Hukum Syeikh Daud

Analisis terhadap bahagian 'ibadah dalam kitab *Furū' al-Masā'il* ini mendapati bahawa Syeikh Daud paling banyak mengemukakan pendapat al-Shaykh al-Ramlī (78 kali) dan diikuti oleh al-Shaykh Ibn Ḥajar (73 kali). Hal ini menunjukkan bahawa aliran pemikiran hukum Syeikh Daud dalam fiqh 'ibadah adalah selari sebagaimana dasar yang yang telah disepakati oleh jumhur fuqaha mazhab Syafii *al-Muta'akhkhirīn.*[88] Dasar yang dimaksudkan itu ialah pendapat yang sahih dalam mazhab Syafii ialah pendapat yang disepakati oleh dua orang Syeikh (*al-Shaykhān*) iaitu al-Imām al-Rāfi'ī dan al-Imām al-Nawawī. Seterusnya, pendapat yang ditetapkan oleh al-Imām al-Nawawī. Kemudian, pendapat yang di*tarjīh*kan[89] oleh al-Shaykh Ibn Ḥajar dan al-Shaykh al-Ramlī. Seterusnya, ialah pendapat yang dipilih oleh Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī dalam kitab *Sharḥ al-Bahjah* kemudian dalam *al-Manhaj* dan *sharaḥ*nya. Seterusnya pendapat yang dipilih oleh al-Shaykh

---

[88] Golongan ulama mazhab Syafii yang hidup selepas zaman dua Syeikh iaitu al-Imām al-Rāfi'ī dan al-Imām al-Nawawī. Lihat: Nu'mān Jaghīm (2007), *loc. cit*., h. 135.

[89] *Tarjīh* yang dimaksudkan di sini ialah mengutamakan satu pendapat yang dipilih antara dua atau beberapa pendapat Imam al-Shāfi'ī, atau antara dua atau beberapa pendapat fuqaha mazhab dalam masalah tertentu. Pemilihan dilakukan berdasarkan kepada kekuatan dalil pendapat itu dari sudut pandangan seseorang ulama itu sendiri atau dipengaruhi kecenderungan sebahagian besar fuqaha terhadap pendapat itu. Lihat: *ibid.,* h. 183.

Khaṭīb al-Sharbīnī dan seterusnya pendapat yang dipilih oleh para penulis *Ḥawāshī*.[90]

Pemilihan aliran pemikiran hukum yang mengutamakan pendapat al-Shaykh al-Ramlī dan al-Shaykh Ibn Ḥajar oleh Syeikh Daud ini adalah sesuatu yang wajar. Hal ini kerana dalam sejarah perkembangannya mazhab Syafii telah melalui beberapa proses *tanqīḥ*.[91] Akram Yūsuf 'Umar al-Qawāsimī menjelaskan bahawa mazhab Syafii telah melalui dua kali proses *tanqīḥ*. *Tanqīḥ* yang pertama berlangsung dalam tempoh (505H-676H/ 1111M-1277M) diketuai oleh al-Imām al-Rāfi'ī dan al-Imām al-Nawawī. Manakala *tanqīḥ* yang kedua pula berlangsung dalam tempoh (676H-1004H/ 1277M-1595M) dipimpin oleh al-Shaykh Ibn Ḥajar dan al-Shaykh al-Ramlī.[92] Justeru sebagai ulama yang hidup pada abad ke-12H dan 13H/ 18M dan 19M, iaitu pada zaman selepas berlakunya *tanqīḥ* yang kedua, maka tidak menghairankan jika pemikiran hukum Syeikh Daud dalam fiqh 'ibadah banyak dipengaruhi dan dicorakkan oleh pendapat yang dikemukakan oleh al-Shaykh Ibn Ḥajar dan al-Shaykh al-Ramlī. Hal ini terbukti melalui kekerapan rujukan terhadap kedua-dua tokoh ini dan karya mereka seperti *Nihāyah al-Muḥtāj* dan *al-Fatāwā* oleh Shaykh al-Ramlī dan *Tuḥfah al-Muḥtāj, Sharḥ al-Irshād, Sharḥ al-'Ubāb* dan *al-Fatāwā* oleh al-Shaykh Ibn Ḥajar.

Menurut al-Shaykh Sulaymān al-Kurdī, jika tidak terdapat pandangan atau fatwa daripada al-Shaykh Ibn Ḥajar dan Shaykh al-Ramlī dalam masalah tertentu, beliau menyarankan agar pendapat ulama dan kitab yang berkenaan dirujuk mengikut urutan:

---

[90] *Ibid*, h. 109-110; Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥifnāwī (2000), *al-Fatḥ al-Mubīn fī Ḥill Rumūz wa Muṣṭalaḥāt al-Fuqahā' wa al-Uṣūlīyyīn*. t.tp: t.pt, h. 109-111.

[91] *Tanqīḥ* yang dimaksudkan di sini *Tanqīḥ al-Madhhab* yang boleh difahami sebagai memurnikan mazhab dari pendapat-pendapat yang pelik (*shādhdh*) dan lemah (*marjūḥ*) atau menerangkan *qawl mu'tamad* para fuqaha mazhab dalam semua bab fiqh. Lihat: Akram Yūsuf 'Umar al-Qawāsimī (2003), *al-Madkhal ilā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*. Jordan: Dār al-Nafā'is, h. 373-374.

[92] *Ibid*., h. 373.

1. Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī
2. Al-Shaykh Khaṭīb al-Sharbīnī
3. *Ḥāshiyah al-Ziyādī*
4. *Ḥāshiyah Ibn Qāsim al-'Ubbādī 'alā Tuḥfah Ibn Ḥajar*
5. *Ḥāshiyah 'Umayrah 'alā Sharḥ al-Maḥallī*
6. *Ḥāshiyah al-Shabrāmallisī 'alā Nihāyah al-Ramlī*
7. *Ḥāshiyah al-Ḥalabī*
8. *Ḥāshiyah al-Shūbarī*
9. *Ḥāshiyah al-'Inānī*

Pendapat para ulama dan kitab yang telah dinyatakan di atas adalah terpakai selagi tidak bercanggah dengan dasar dan kaedah umum mazhab Syafii yang telah digariskan.[93]

Oleh itu, selain daripada al-Shaykh Ibn Ḥajar dan al-Shaykh al-Ramlī, Syeikh Daud juga turut mengutamakan pendapat daripada Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī (28 kali) melalui karya beliau seperti *Manhaj al-Ṭullāb*, *Fatḥ al-Wahhāb bi Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb*, *Asnā al-Ṭālib fī Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*, dan *Tuḥfah al-Ṭullāb bi Sharḥ Taḥrīr Tanqīh al-Lubāb.*

Hal ini jelas menguatkan lagi bukti tentang aliran pemikiran hukum Syeikh Daud dalam fiqh 'ibadah. Selain itu, rujukan yang berulang-ulang kali kepada para penulis *Ḥawāshī* turut menguatkan lagi kesahihan tentang kecenderungan aliran pemikiran hukum Syeikh Daud ini. Antara penulis *Ḥawāshī* yang dirujuk pendapatnya itu ialah al-Shaykh al-Bujayrimī (41 kali), al-Shaykh Sulaimān Jamal (40 kali), al-Shaykh Ibn Qāsim (24 kali), al-Shaykh al-Ziyādī (23 kali), al-Shaykh 'Alī Shabrāmallisī (19 kali), al-Shaykh al-Ḥalabī (11 kali), al-Shaykh al-Burmāwī

[93] Nu'mān Jaghīm (2007*), loc. cit.,* h. 110; 'Alī Jum'ah Muḥammad (2007), *loc. cit.,* h. 50.

(11 kali) dan al-Shaykh Shūbarī (7 kali) turut menguatkan lagi kesahihan tentang kecenderungan aliran pemikiran hukum Syeikh Daud ini.

Sebagaimana dasar yang telah dipersetujui oleh jumhur fuqaha mazhab Syafii *al-Muta'akhkhirīn*, pendapat yang sahih dan merupakan rujukan utama dalam mazhab adalah pendapat daripada al-Imām al-Rāfi'ī dan al-Imām al-Nawawī. Oleh itu, Syeikh Daud juga ada merujuk pendapat al-Imām al-Nawawī sebanyak 12 kali dan al-Imām al-Rāfi'ī sebanyak 8 kali.[94]

Rujukan terhadap al-Shaykh Ramlī Kabīr yang menduduki tempat yang teratas dengan kekerapan rujukan sebanyak 41 kali, adalah sesuatu yang tidak menghairankan memandangkan kitab beliau yang berjudul *Fatāwā al-Ramlī fī Furū' al-Fiqh al-Shāfi'ī* yang dijadikan rujukan oleh Syeikh Daud merupakan kitab berbentuk soal jawab. Oleh itu, banyak permasalahan dalam kitab ini yang boleh diadaptasikan dalam penulisan kitab *Furū' al-Masā'il.*[95]

Secara ringkas, sumber rujukan yang mempengaruhi aliran pemikiran Syeikh Daud dapat digambarkan melalui rajah berikut:

---

94 Nu'mān Jaghīm (2007*), ibid.,* h. 102.

95 Kitab ini adalah himpunan fatwa al-Shaykh Ramlī Kabīr yang dikumpul dan ditulis oleh anak beliau al-Shaykh al-Ramlī (Shams al-Dīn Muḥammad al-Ramlī).

Rajah 4.1: Sumber Rujukan Yang Mempengaruhi Aliran Pemikiran Hukum Syeikh Daud Al-Faṭani




*Sumber: ‘Alī Jum‘ah Muḥammad (2007), Al-Madkhal ilā Dirāsah al-Madhāhib al-Fiqhīyyah, c. 2. Al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 49-53*

Sebagai rumusannya, sumber rujukan yang paling banyak dikemukakan oleh Syeikh Daud dalam kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini merupakan ulama mazhab Syafii yang berwibawa dan telah menghasilkan karya yang berwibawa atau yang tersebar luas di rantau Nusantara. Tambahan pula, kekerapan rujukan Syeikh Daud terhadap ulama dan karya yang tertentu seperti al-Shaykh al-Ramlī, al-Shaykh Ibn Ḥajar, al-Shaykh al-Islām Zakarīyā al-Anṣārī, al-Imām al-Rāfi‘ī, al-Imām al-Nawawī dan para penulis *Ḥawāshī* seperti al-Shaykh al-Bujayrimī, al-Shaykh Sulaymān Jamāl, al-Shaykh Ibn Qāsim, al-Shaykh al-Ziyādī, al-Shaykh ‘Alī Shabrāmallisī jelas menunjukkan aliran pemikiran hukum Syeikh Daud dalam fiqh ‘ibadah adalah selaras dengan dasar yang telah ditetapkan jumhur fuqaha mazhab Syafii *al-Muta’akhkhirīn*.

Selain itu, kajian mendapati Syeikh Daud dalam kitab *Furū‘ al-Masā’il* mengutamakan pendapat al-Shaykh al-Ramlī dan al-Shaykh Ibn Ḥajar dalam fiqh ‘ibadah. Hal ini, sesuai dengan kedudukan kitab *Nihāyah al-Muḥtāj* yang ditulis oleh al-Shaykh al-Ramlī dan kitab *Tuḥfah al-Muḥtāj* yang dikarang oleh al-Shaykh Ibn Ḥajar yang menjadi sumber perundangan Islam mazhab Syafii yang paling berpengaruh dan paling berwibawa bukan sahaja di rantau Nusantara, malah di seluruh dunia Islam.

## 4.3 KESIMPULAN

Sebagai seorang ulama yang bertaklid kepada mazhab Syafii, sumber rujukan Syeikh Daud terhadap bahagian ‘ibadah dalam kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini adalah kepada ulama mazhab Syafii pada zaman taklid dan kitab-kitab ulama mazhab Syafii pada zaman taklid. Ulama mazhab Syafii yang menjadi rujukan utama oleh Syeikh Daud ialah al-Shaykh al-Ramlī dan al-Shaykh Ibn Ḥajar.

Meskipun begitu, aliran pemikiran hukum Syeikh Daud adalah selaras dengan aliran pemikiran hukum yang dipersetujui oleh jumhur ulama mazhab Syafii *al-*

*Muta'akhkhirīn*. Hal ini menunjukkan bahawa aliran pemikiran hukum Syeikh Daud berada di landasan yang betul dan perkara ini dapat memastikan bahawa penyebaran ilmu fiqh di rantau Nusantara dalam bidang ‘ibadah dan lain-lain tidak terpesong dari ajaran mazhab Syafii dari umbi hingga ke pucuk.